

AKHBAR : BERITA HARIAN  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



Bandar Baru Selayang antara kawasan dikuatkuasakan PKPD.

# 54 kes baharu, 65 pesakit pulih

45 jangkitan direkod terdiri daripada warga asing

**Putrajaya:** Kes positif baharu COVID-19 semalam mencatatkan dua angka iaitu 54 menjadikan jumlah keseluruhan kes wabak dilaporkan 6,589 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya juga merekodkan 65 kes pulih dan discaj semalam menjadikan jumlah kumulatif pesakit pulih dan dibenarkan keluar wad seramai 4,929

kes atau 74.8 peratus daripada keseluruhan kes.

Beliau berkata, jumlah kes aktif dengan kebolehanjangkitan COVID-19 adalah 1,552.

Katanya, 45 daripada 54 kes positif baharu itu terdiri daripada warganegara asing.

"Mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan. Ingin dimaklumkan daripada 54 kes baharu yang dilapor hari ini (semalam), satu kes import dilaporkan.

"Ini bermakna, kes penularan tempatan adalah 53 dengan tiga kes dikesan daripada kluster dan lokaliti bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, Crisis Prepa-

redness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan pula melaporkan pertambahan satu kes kematian dengan jumlah kumulatif kematian di Malaysia adalah 108 kes atau 1.64 peratus.

"Kes kematian ke-108 (kes ke-2499) adalah perempuan warganegara Malaysia berumur 74 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit autoimun, darah tinggi dan penyakit tiroid.

"Beliau mempunyai sejarah kontak rapat kes positif COVID-19, iaitu berkaitan dengan perhimpunan di Seri Petaling.

"Mangsa dirawat di Hospital Melaka pada 29 Mac lalu dan disahkan meninggal dunia jam 11.23 malam, semalam (kelmarin)," katanya.

## Kluster Setia Alam babit pekerja asing dikesan

**Putrajaya:** Satu lagi kluster baharu COVID-19 membabitkan pekerja warga asing dikesan di Setia Alam, minggu ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kluster berkenaan dikesan pada 6 Mei lalu selepas Kementerian Kesihatan menerima makluman daripada sebuah hospital swasta.

Beliau berkata, hospital swasta itu mengesan tiga kes yang disahkan positif COVID-19 ketika menjalankan saringan terhadap pekerja sebuah tapak pembinaan di Setia Alam yang bakal kembali bertugas.

"Ketiga-tiga kes positif itu membabitkan warga Bangladesh yang berkongsi kediaman dengan 18 orang lain.

"Siasatan dan saringan bagi kontak rapat ketiga-tiga kes sudah dijalankan," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, 12 daripada 28 individu yang disaring untuk COVID-19 didapati positif.

Beliau berkata, semua kes itu membabitkan warganegara Bangladesh.

"Sembilan pula didapati negatif dan tujuh kes masih menunggu keputusan. Punca jangkitan kluster ini juga masih dalam siasatan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya mengesan 28 kes baharu positif COVID-19 membabitkan Kluster Pedas, Negeri Sembilan, setakat jam 12 tengah hari semalam.



**Ketiga-tiga kes positif itu membabitkan warga Bangladesh yang berkongsi tempat kediaman dengan 18 orang lain.**

**Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan**


Beliau berkata, ia menjadikan jumlah keseluruhan positif membabitkan kluster berkenaan seramai 88 kes.

Katanya, seramai 81 daripada mereka adalah warganegara Nepal, Bangladesh, Indonesia dan Myanmar.

"Kes positif kluster ini membabitkan 81 kes bukan warganegara iaitu 33 kes warga Nepal; 26 kes warga Bangladesh; 11 kes warga Indonesia dan 11 kes warga Myanmar.

"Punca jangkitan bagi kluster ini masih dalam siasatan," katanya.

TABURAN KES COVID-19 9 Mei 2020 (Setakat 12 tengah hari)



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Dr Noor Hisham cuti selepas lima bulan

Sidang media KKM semalam diganti kenyataan akhbar

**Kuala Lumpur:** Setiap petang rakyat akan menanti di depan televisyen atau media sosial untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai kes penularan COVID-19 dalam negara.

Siapa lagi jika bukan sosok Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, yang dinanti-nantikan sebahagian besar rakyat, kerana beliau akan mengetuai sidang media harian Kementerian Kesihatan bermula sekitar jam 4 hingga 4.30 petang.

Setiap jawapan dikongsi Dr Noor Hisham yang dinamakan antara doktor terbaik dunia oleh China Global TV Network (CGTN) itu, penting bagi semua pihak untuk melihat sejauh mana pandemik ini mampu ditangani atau sebaliknyanya.

Namun, petang semalam kelibat anak kelahiran Sepang yang memiliki kelulusan Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang Bedah dan Ijazah Doktor Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu tidak muncul di kaca televisyen sebagaimana biasa.

Selepas bekerja tanpa cuti sejak awal tahun dan berdepan asakan soalan bertali



Petugas barisan hadapan begitu komited berjuang melawan pandemik COVID-19. (Foto hiasan)

arus oleh wartawan setiap hari, Dr Noor Hisham diberi cuti untuk berehat seketika.

Sidang media kementerian yang biasanya disampaikan Dr Noor Hisham semalam sebaliknya digantikan dengan kenyataan akhbar.

Sementara itu, Dr Noor Hisham sendiri mengesahkan beliau dan pasukannya diberi peluang untuk berehat seketika selepas bekerja tanpa henti sejak Disember lalu dalam usaha maklum balas dan kesiapsagaan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Walaupun tiada sidang media dijadualkan, satu kenyataan akhbar tetap akan menyusul menyalurkan maklumat terkini (mengenai COVID-19)," katanya menerusi

akau Facebook miliknya.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, pekerja barisan hadapan sentiasa menghadapi cabaran baharu setiap hari dan tentunya menjalankan amanah itu untuk negara tercinta.

Katanya, petugas barisan hadapan adalah mereka yang begitu komited berjuang melawan pandemik COVID-19.

"Setiap hari petugas barisan hadapan berdepan cabaran baharu dan ketika krisis yang sedang melanda dengan meluas, kita dilihat mereka penuh iltizam, kesungguhan dan kreativiti semata-mata di atas rasa tanggungjawab dan amanah.

"Ini cukup menggambarkan betapa komited petugas

barisan melakukan apa saja demi kesejahteraan masyarakat tanpa perasaan lelah," katanya.

Beliau berkata demikian merujuk kepada satu foto yang dikongsinya, memperlihatkan petugas kesihatan yang lengkap menyalurkan pakaian perlindungan diri (PPE) mendukung seorang wanita tua yang mengalami kesukaran untuk berjalan.

Katanya lagi, gambar itu cukup menggambarkan petugas sanggup melakukan apa saja demi menyelamatkan nyawa orang lain.

"Gambar ini menterjemahkan ribuan kata-kata. Terima kasih atas apa yang anda lakukan demi kebaikan untuk negara," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 33

RUANGAN : MEMERANGI WABK COVID-19

Penularan COVID-19

# Rembau kembali Zon Merah

Peningkatan mendadak babit kluster baharu pekerja kilang

**Kuala Lumpur:** Rembau di Negeri Sembilan kembali diletakkan dalam Zon Merah selepas menyaksikan peningkatan kes COVID-19 mendadak, kelmarin.

Peningkatan itu dipercayai susulan penemuan kluster baharu

membabitkan pekerja sebuah kilang di Pedas membabitkan 53 pekerja asing yang didedahkan Kementerian Kesihatan kelmarin.

Rembau pernah diisytihar lokasi Zon Merah pertama yang bebas daripada wabak itu selepas mencatatkan sifar kes aktif pada 20 April lalu.

Bagaimanapun, menurut Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), daerah berkenaan mencatatkan 59 kes positif COVID-19 setakat jam 12 tengah hari kelmarin.

Infografik CPRC yang dikongsi

melalui media sosial rasmi Kementerian Kesihatan (KKM), jumlah keseluruhan Zon Merah di seluruh negara meningkat kepada 11 daerah.

Lokasi Zon Merah lain adalah Kuala Lumpur dengan 144 kes, Batu (101), Kuching (100), Gombak (80), Kampung Baru (67), Hulu Langat (55), Petaling (53), Kluang (49), Sri Petaling (45) dan Kota Samarahan (43).

Selain itu, jumlah keseluruhan Zon Hijau pula kekal sebanyak 113 daerah.

Zon Merah mewakili jumlah kes

aktif COVID-19 melebihi 41 kes, Zon Kuning (satu hingga 40 kes) dan Zon Hijau tiada kes.

Sementara itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, pada sidang media harian semalam memaklumkan tiga premis perniagaan diarah tutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selepas pekerja mereka disahkan positif COVID-19.

Beliau berkata, ia membabitkan sebuah kilang ayam di Negeri Sembilan; pasar raya di Kuala Lumpur dan tapak binaan di Ja-

lan Ampang, di sini.

"Seperti yang saya tegaskan bahawa jika berlaku dan didapati positif COVID-19 dalam kalangan pekerja mereka serta Kementerian Kesihatan (KKM) rasa perlu premis terbabit ditutup, maka kerajaan arahkan supaya ia ditutup.

"Dua tempat yang saya sebutkan tadi, ladang ayam dan pasar raya terbabit kita tutup untuk buat saringan ke atas pekerja mereka dan seterusnya membuat sanitasi di premis perniagaan berkenaan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : MEMERANGI WABK COVID-19

# Kluster tapak pembinaan Setia Alam

KKM kesan satu kluster baharu Covid-19 melibatkan warga Bangladesh

Oleh HIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan satu kluster baharu yang melibatkan pekerja warganegara Bangladesh di sebuah tapak pembinaan di Setia Alam.

Ketua Pengarah Kesihatan,

Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, seramai 12 pekerja didapati positif koronavirus (Covid-19) hasil saringan kontak rapat pesakit tersebut setakat ini.

Jelas beliau, kluster tersebut telah dikesan pada 6 Mei 2020 apabila menerima notifikasi dari sebuah hospital swasta.

"Hospital tersebut telah menjalankan saringan Covid-19 ke atas pekerja-pekerja yang bakal kembali bertugas dan mendapati tiga kes disahkan positif Covid-19 daripada lima orang pekerja yang



DR NOOR HISHAM

telah disaring," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, seramai 28 orang telah disaring untuk Covid-19.

Sementara itu, Malaysia mencatatkan sebanyak 54 kes positif baharu Covid-19 semalam dengan satu kes kematian melibatkan seorang perempuan warganegara Malaysia berumur 74 tahun menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 108 kes.

## 28 lagi positif kluster Pedas, kes Rembau naik mendadak

SHAH ALAM - Sebanyak 28 kes positif baharu wabak koronavirus (Covid-19) dikesan melibatkan kluster warga pekerja sebuah kilang di Pedas, Negeri Sembilan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes baharu itu menjadikan jumlah kes positif sebanyak 88 kes.

"Punca jangkitan bagi kluster ini masih di dalam siasatan," katanya dalam satu kenyataan semalam.


Sementara itu, jumlah kes aktif Covid-19 di Daerah Rembau, Negeri Sembilan meningkat secara mendadak kelmarin menurut Pusat

Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Berdasarkan infografik CPRC yang dikongsi melalui media sosial rasmi KKM semalam, jumlah kes aktif di daerah yang dikategorikan zon merah Covid-19 itu meningkat kepada 59 berbanding tujuh kes pada Khamis lepas.

Peningkatan drastik itu dipercayai susulan penemuan kluster baharu di daerah terbabit iaitu Kluster Pedas yang melibatkan 53 pekerja asing yang didedahkan KKM kelmarin.

### SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEWS/NATION

FIRST DAY OFF IN TWO MONTHS

## Health D-G thanks frontliners for dedication

**KUALA LUMPUR:** Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah kept in touch with Malaysians despite not being on live television yesterday to update the public on the development of the Covid-19 pandemic.

On what is believed to be his first day off in almost two months, he took to Facebook to thank the frontliners.

He posted a picture of a frontliner, clad in Personal Protective Equipment gear, carrying an elderly woman on his back, with another frontliner holding her walking aid.

"Each day brings new challenges to our frontliners and as the crisis unfolds, we see the passion, strength and creativity of our staff, who go beyond the call

of duty.

"This photo speaks a thousand words. Thank you all for doing what is right for the country."

Dr Noor Hisham, now a familiar face and reassuring presence for millions of Malaysians who tune in to live broadcasts of his daily Covid-19 press briefings, has consistently thanked those who have been helping the authorities in battling the pandemic.

He previously thanked the Orang Asli for taking care of their community during the outbreak and used

them as an example for the public on how to empower each other.

When participants of the Sri Petaling tabligh gathering were scorned, he, instead, thanked a large number of them for volunteering to be tested.



*Datuk Dr Noor Hisham Abdullah*

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

## JAPANESE MNC DONATES 10,000 N95 MASKS

PUTRAJAYA: The shortage of personal protective equipment for frontliners battling Covid-19 is cause for concern for MinebeaMitsumi Group.

As corporate social responsibility is one of the group's main pillars, MinebeaMitsumi Malaysia on the instruction of MinebeaMitsumi Inc CEO Yoshihisa Kainuma of Japan donated 10,000 pieces of N95 masks to the Health Ministry.

The handover took place at the Health Ministry here on Friday, where Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba received the masks from MinebeaMitsumi Malaysia managing director Mitsuaki Hagino.

Present were Japan's ambassador to Malaysia Hiroshi Oka and MinebeaMitsumi division manager Hafisol Hassan.

Last month, MinebeaMitsumi donated 1,000 pieces of N95 masks to KL Hospital and another 1,000 pieces to University Malaya Medical Centre, from the company's stock kept at its plant in Malaysia.

On May 6, MinebeaMitsumi gave 400 pieces of N95 masks and 100 sets of shoe covers to Hospital

Sultan Abdul Halim in Sungai Petani, Kedah, while its Batu Pahat plant contributed 500 pieces of surgical masks to Hospital Sultanah Nora Ismail in the district in Johor.

MinebeaMitsumi Inc is a Japanese multinational corporation and a major producer of machinery components and electronics devices with production plants all over the world.

In Malaysia, its operations are Minebea Electronics Motor (M) Sdn Bhd in Sungai Petani, Kedah; Mitsumi Technology (M) in Batu Pahat, Johor; and Ortech Malaysia Sdn Bhd in Klang, Selangor.

MinebeaMitsumi has its sales office in Penang and Kuala Lumpur, and combined with the factories employs about 2,000 people.

"On behalf of Japan, MinebeaMitsumi's donation of the masks to the Health Ministry of Malaysia is for distribution to the frontliners, hospitals and other personnel involved in managing the Covid-19 pandemic," said a statement from MinebeaMitsumi.

"We hope Malaysia can return to normal as soon as possible."



Dr Adham (left) receiving the mask donation from Hagino in Putrajaya. Present were Oka (right) and Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally (As of 7pm May 9, 2020)												
							Malaysia	New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered	
							54	6,589	108	4,929		
Asean+	India	Singapore	Japan	Indonesia	S. Korea	Philippines	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos
Confirmed cases	59,765	22,460	15,575	13,645	10,840	10,610	3,004	288	177	141	122	19
Deaths	1,986	20	590	959	256	704	56	0	6	1	0	0
Recovered	17,897	2,040	5,146	2,607	9,568	1,842	2,787	241	67	132	120	9
Global Top 10	US	Spain	Italy	UK	Russia	France	Germany	Brazil	Turkey	Iran		
Confirmed cases	1,322,164	260,117	217,185	211,364	198,676	176,079	170,588	146,894	135,569	104,691		
Deaths	78,616	26,299	30,201	31,241	1,827	26,230	7,510	10,017	3,689	6,541		
Recovered	223,749	168,408	99,023	N/A	31,916	55,782	143,300	59,297	86,396	83,837		

# New cluster detected in Setia Alam

## Bangladeshi workers supposed to return to work at construction site tested positive

**PETALING JAYA:** A new cluster of Covid-19 cases has emerged at a construction site in Setia Alam involving 12 foreign workers, says the Health Ministry.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the cluster was first detected on Wednesday when a notification was received from a private hospital.

He said the hospital conducted health screening on five Bangladeshi workers, who were supposed to

return to work at the site. Three of them tested positive for Covid-19.

"The three positive cases also shared housing with 18 other workers. Following that, an investigation and screenings were carried out on their close contacts.

"Out of the 28 people screened so far, 12 tested positive and all of them are Bangladeshis. Nine are negative and seven are still waiting for their results.

"The cause of the infection is still

under investigation," Dr Noor Hisham said in a statement.

There were 54 new Covid-19 cases yesterday, bringing the total number of cases to 6,589. One additional death was reported, pushing the country's death toll to 108.

The latest fatality was a 74-year-old Malaysian woman, who had a history of autoimmune disease, high blood pressure and thyroid. She was a close contact of a Covid-19 positive case from the gathering

in Sri Petaling.

Dr Noor Hisham said out of the 54 cases, 45 of them involved foreigners and one was an imported case.

He said three out of the 53 local cases were from the cluster and localities placed under the enhanced movement control order.

"A total of 65 more patients were discharged yesterday, putting the country's recovery rate at 74.8% out of the total number of positive cases. There are 1,552 active cases

being treated at the country's health facilities at present," he said.

Dr Noor Hisham said 18 patients are in the intensive care unit, with six needing ventilator support.

He also said that there were 28 positive cases from the Pedas, Rembau cluster reported on Friday, bringing the total number of cases there to 88. The cluster comprised seven Malaysians, 33 Nepalis, 26 Bangladeshis, 11 Indonesians and 11 Myanmar nationals.

# Another case detection operation conducted in S'wak

**KUCHING:** A Covid-19 case detection operation is being conducted in Kampung Tabuan Lot involving more than 2,100 people from 423 houses, says Sarawak state disaster management committee chairman Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

He said the operation, the second such exercise in Sarawak, was carried out from 8.30am to 5pm yesterday to screen close contacts of Covid-19 positive patients.

"A (Covid-19) victim from the village had died while there was another case which could not be linked to any existing cluster.

"This programme was launched because the Covid-19 carriers might have unknowingly spread the virus to their families, neighbours and the community," he told reporters after visiting the village yesterday.


He said 171 personnel members from the

“A (Covid-19) victim from the village had died.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas

Sarawak Health Department, police and Civil Defence Force were involved in the operation.

In the first operation conducted from April 27 to May 3, a total of 15,583 people from 5,300 houses in Taman Desa Ilmu and Taman Uni Garden in Kota Samarahan were screened. — Bernama



**Better safe than sorry:** Medical personnel taking samples from residents of Taman Desa Ilmu in Kota Samarahan during the first operation. Another operation being conducted in Kampung Tabuan Lot involves more than 2,100 people.